

# Abdullah harap Iraq stabil, aman

Oleh Kadir Dikoh dan Rohaniza Idris

**S**LAMABAD: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap masa depan Iraq dan rakyatnya stabil dan aman, walau apa pun nasib menimpa bekas Presidennya, Saddam Hussein yang didapati bersalah melakukan jenayah kemanusiaan dan dijatuhkan hukuman gantung sehingga mati oleh Tribunal Tinggi Iraq.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) berkata, tiada siapa menimbulkan apa-apa reaksi mengenai hukuman dijatuhkan ke atas Saddam jika ia hasil daripada proses undang-undang dijalankan dengan adil.

"Untuk menunjukkan reaksi mungkin rakyat Iraq sendiri. Yang penting dalam hal ini ialah masa depan Iraq," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan Forum Ekonomi Islam Sedunia

(WIEF) di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas keputusan Tribunal Tinggi Iraq kelmarin yang mendapati Saddam bersalah atas tuduhan jenayah kemanusiaan pada 1982, menyebabkan 148 rakyat terbunuh di bandar Shiite.

Adik tiri Saddam, Barzan Ibrahim dan bekas Ketua Mahkamah Revolusi Iraq, Awad Itemed al-Bandar turut dihukum mati, manakala bekas Naib Presiden, Taha Yassin Ramadan dihukum penjara seumur hidup.

Abdullah berkata, apa yang diharapkan sekarang ialah masa depan Iraq yang selamat untuk membolehkan negara itu membangun semula.

"Rakyatnya diharapkan tidak terus menderita, tetapi mendapatkan peluang baru untuk hidup dalam negara yang wujud keamanan dan kestabilan yang diperoleh itu.

Di **KUALA LUMPUR**, pakar sejarah dan strategik antarabangsa berpendapat hukuman gantung sam-

pai mati terhadap Saddam hanya untuk melambangkan kejayaan Amerika Syarikat.

Mempertikaikan kewajaran hukuman mati dikenakan kepada bekas pemimpin itu, mereka berpendapat hukuman sama boleh dikenakan kepada Presiden Amerika, George W Bush kerana pemimpin berkenaan juga membunuh beribu orang menerusi serangan ke atas Iraq.

Mereka juga sependapat keadaan di Iraq akan bertambah buruk dengan perkembangan terbaru itu.

Pakar sejarah yang juga Rektor Kolej Yayasan Melaka (KYM), Datuk Prof Dr Ramlah Adam, berkata hukuman ke atas Saddam jelas mengembirakan Amerika kerana mereka dapat membuktikan negara itu kuasa paling berpengaruh di dunia ini.

Katanya, hukuman itu juga jelas membuktikan ketidakadilan terhadap undang-undang antarabangsa yang mana orang bersekongkol de-

ngan Amerika seperti Israel bebas berbuat apa saja, manakala yang melawan seperti Saddam dihukum hanya dengan alasan membunuh 148 penduduk kampung Syiah di Dujail pada 1982.

Pengarah Pusat Dasar Teknologi dan Kajian Antarabangsa (Centepis), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Madya Dr Azmi Hassan, berkata hukuman ke atas Saddam hanya menimbulkan kekacauan yang lebih teruk di Iraq yang mana jurang terbuka luas di antara Sunnah dan Syiah menjadi lebih jelas.

Katanya, puak Syiah menjadi pemerintah kerajaan baru Iraq di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Nouri al-Maliki berpendapat hukuman ke atas Saddam adalah kejayaan mereka.

"Hukuman ke atas Saddam juga satu peluang kepada Bush meraih undi pada pilihan raya kongres esok (hari ini)," katanya.